

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HSM 214 - Pensejarahan Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

SEMUA soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan isu “centricity” dalam perkembangan pensejarahan Malaysia.
2. Zainal Abidin bin Abdul Wahid, Muhammad Yusoff Hashim dan Abdul Rahman Haji Ismail masing-masing mempunyai pandangan tentang karya Sejarah Melayu. Bincangkan pandangan ketiga-tiga sarjana tersebut dan hubungkaitkan dengan bidang pensejarahan Malaysia.
3. Sungguhpun karya-karya Melayu tradisional mengandungi unsur-unsur metos dan legenda, dan tidak ada tarikh-tarikh tertentu, kitab-kitab tersebut masih dikatakan menyumbang kepada historiografi Malaysia. Dengan berdasarkan kepada salah satu karya tersebut, berikan pandangan anda tentang perkara ini.
4. Khoo Kay Kim dan Lim Teck Ghee adalah sejarawan profesional tempatan yang mengkaji sejarah Malaysia pada zaman penjajahan. Bandingkan dan bezakan hasil penulisan dua sarjana tersebut berdasarkan kepada karya-karya mereka yang tertentu.
5. Isabella L. Bird dan Margaret Brooke kedua-dua pernah tinggal buat sementara sahaja di Malaysia pada abad ke-19 tetapi Bird dan Brooke turut mencatatkan tentang pengalaman masing-masing pada zaman penjajahan. Sejauhmanakah penulisan mereka menyumbang kepada pensejarahan Malaysia.
6. Huraikan ciri-ciri yang menonjol dalam hasil-hasil penulisan para pentadbir kolonial dengan merujuk kepada buku Baring-Gould dan Bampfylde, A History of Sarawak under its Two White Rajahs (1909) dan Swettenham, British Malaya (1906).
7. Beri ulasan yang kritis pada salah satu (1) hasil penulisan tentang sejarah Malaysia dengan berfokus kepada tujuan penulis dan sudut pandangannya.